



FAKULTI SENI GUNAAN DAN KREATIF

WARISAN BUSANA TRADISIONAL MASYARAKAT IBAN DALAM ERA

MODEN

SANDY LIANA ANAK TUNGKU

Ijazah Sarjana Muda Seni Gunaan dengan Kepujian
(Pengurusan Seni)
2014

WARISAN BUSANA TRADISIONAL MASYARAKAT IBAN DALAM ERA MODEN

SANDY LIANA ANAK TUNGKU

**Projek ini merupakan salah satu keperluan untuk
Ijazah Sarjana Muda Seni Gunaan dengan kepujian
(Program Pengurusan Seni)**

Fakulti Seni Gunaan dan Kreatif

UNIVERSITI MALAYSIA SARAWAK

2014

UNIVERSITI MALAYSIA SARAWAK

Grade: _____

Please tick (✓)

Final Year Project Report

Masters

PhD

DECLARATION OF ORIGINAL WORK

This declaration is made on theday of.....2014.

Student's Declaration:

I **SANDY LIANA ANAK TUNGKU, 32773, FACULTY OF APPLIED AND CREATIVE ARTS**
----- (PLEASE INDICATE STUDENT'S NAME, MATRIC NO. AND FACULTY) hereby declare
that the work entitled ----- **WARISAN BUSANA TRADISIONAL MASYARAKAT IBAN DALAM ERA MODEN** -----
----- is my original work. I have not copied from any other students' work or
from any other sources except where due reference or acknowledgement is made explicitly in the
text, nor has any part been written for me by another person.

16 JUN 2014

Date submitted

SANDY LIANA ANAK TUNGKU (32773)

Name of the student (Matric No.)

Supervisor's Declaration:

I **DR NORIA AK TUGANG**

(SUPERVISOR'S NAME) hereby certifies that
the work entitled .. **WARISAN BUSANA TRADISIONAL MASYARAKAT IBAN DALAM ERA**
----- **MODEN** ----- (TITLE) was prepared by the above named student, and was
submitted to the "FACULTY" as a * partial/full fulfillment for the conferment of **BACHELOR OF**
ARTS WITH HONOURS (ARTS MANAGEMENT) ----- (PLEASE INDICATE
THE DEGREE), and the aforementioned work, to the best of my knowledge, is the said student's
work.

Received for examination by: _____ Date: _____
(Name of the supervisor)

I declare that Project/Thesis is classified as (Please tick (✓)):

- CONFIDENTIAL** (Contains confidential information under the Official Secret Act 1972)*
 RESTRICTED (Contains restricted information as specified by the organization where Research was done)*
 OPEN ACCESS

Validation of Project/Thesis

I therefore duly affirmed with free consent and willingness declare that this said Project/Thesis shall be placed officially in the Centre for Academic Information Services with the abiding interest and rights as follows:

- This Project/Thesis is the sole legal property of Universiti Malaysia Sarawak (UNIMAS).
- The Centre for Academic Information Services has the lawful right to make copies for the purpose of academic and research only and not for other purpose.
- The Centre for Academic Information Services has the lawful right to digitalise the content for the Local Content Database.
- The Centre for Academic Information Services has the lawful right to make copies of the Project/Thesis for academic exchange between Higher Learning Institute.
- No dispute or any claim shall arise from the student itself neither third party on this Project/Thesis once it becomes the sole property of UNIMAS.
- This Project/Thesis or any material, data and information related to it shall not be distributed, published or disclosed to any party by the student except with UNIMAS permission.

Student signature _____
(2014)

Supervisor signature: _____
(2014)

Current Address:
Kuching, Sarawak

Notes: * If the Project/Thesis is **CONFIDENTIAL** or **RESTRICTED**, please attach together as annexure a letter from the organization with the period and reasons of confidentiality and restriction.

[The instrument is duly prepared by The Centre for Academic Information Services]

PENGAKUAN

Projek yang bertajuk '**Warisan Busana Tradisional Masyarakat Iban Dalam Era Moden**' telah disediakan oleh **Sandy Liana anak Tungku** dan telah diserahkan kepada Fakulti Seni Gunaan dan Kreatif sebagai memenuhi syarat untuk Ijazah Sarjana Muda Seni Gunaan dengan Kepujian Pengurusan Seni.

Disediakan oleh:

(SANDY LIANA ANAK TUNGKU)

Tarikh:

PENGHARGAAN

Puji dan syukur kepada Tuhan atas segala berkat yang diperolehi sepanjang saya menjalankan kajian ini. Terima kasih yang tidak terhingga kepada penyelia saya iaitu Dr Noria anak Tugang yang telah banyak memberikan dorongan, tunjuk ajar serta teguran yang membina kepada saya. Ribuan terima kasih juga saya ucapkan kepada semua pensyarah Jabatan Seni Liberal atas tunjuk ajar, bimbingan dan nasihat yang telah diberikan sepanjang saya menjalankan penyelidikan ini.

Kepada keluarga yang tersayang iaitu papa (Tungku anak Ujan) dan mama (Embek anak Kumbong) serta semua ahli keluarga (Punai, Melyssa, Thimoty Kujat, Florence) yang telah banyak memberi sokongan dan dorongan yang kuat sepanjang saya menjayakan penyelidikan projek tahun akhir ini. Kejayaan yang dikecapi adalah merupakan hadiah yang teristimewa buat semua terutama kepada papa dan mama. Tidak lupa juga kepada sepupu (Charles Mechris, Margeret, Jacqueline, Ijah dan Diana) serta kawan-kawan (Lydia, Jenny, Kastura, Margretta, Thresa, Mary dan Marvis) yang telah memberikan kekuatan serta sentiasa memberi nasihat kepada saya.

Akhir sekali ucapan jutaan terima kasih saya ucapkan kepada Encik Ajot anak Baro, En Nicholas Vicky, En Bidai anak Tukau, En Kumbong anak Kalambu, Pn Bawang anak Degom dan Pn Inya anak Babai yang banyak memberikan maklumat dalam penyelidikan busana tradisional masyarakat Iban di samping memberikan kerjasama yang sangat memuaskan. Jasa baik semua amatlah dihargai dan akan dikenang selalu. Malah atas kerjasama dan sokongan kalian kajian ini dapat berjaya dilakukan dengan sepenuhnya.

ABSTRAK

Penyelidikan ini mengenai busana tradisional masyarakat Iban di Sarawak. Fokus kajian ini terhadap perubahan yang berlaku kepada busana Iban. Selain itu, perubahan pada corak dan warna serta ciri-ciri yang terdapat pada busana tradisional Iban itu turut dikaji. Penyelidik juga memberi penekanan kepada aspek kepentingan pemeliharaan busana tradisional Iban supaya ia tidak dipengaruhi oleh kemunculan pelbagai fesyen pada masa kini. Hal ini penting bagi mengetengahkan busana tradisional masyarakat Iban terdahulu serta berkongsi maklumat yang berkaitan bagi mengekalkan keaslian busana tradisional ini.

ABSTRACT

This research focuses on traditional haute Iban in Sarawak. It is focuses on the changing of traditional haute Iban. In addition, changes in the patterns and colors as well as features that are available on the Iban traditional haute is studied. Researchers also emphasize the importance of the preservation of traditional Iban haute fashion so that it is not influenced by the emergence of a variety of fashion nowadays. It is important to highlight the traditional haute previous Iban and share information related to maintaining the authenticity of traditional haute.

ISI KANDUNGAN

KANDUNGAN

MUKA SURAT

HALAMAN TAJUK	i
PENGESAHAN STATUS LAPORAN	ii
PENGESAHAN PENYELIA	iii
PERAKUAN	iv
PENGHARGAAN	v
ABSTRAK	vi
ABSTRACT	vii
ISI KANDUNGAN	
BAB 1: PENDAHULUAN	
1.1 PENGENALAN	1-2
1.2 PERMASALAHAN KAJIAN	3
1.3 OBJEKTIF KAJIAN	
1.4 KEPENTINGAN KAJIAN	4
1.5 HIPOTESIS KAJIAN	5
1.6 LOKASI KAJIAN	
1.7 SKOP KAJIAN	
1.8 LIMITASI KAJIAN	6-7
BAB 2: SOROTAN KESUSASTERAAN	
2.1 PENGENALAN	8
2.2 FESYEN DAN PAKAIAN	9
2.3 BUDAYA MASYARAKAT IBAN	10-11

2.4 SENI PEMAKAIAN	12
2.5 FUNGSI BUSANA TRADISIONAL MASYARAKAT IBAN	13-14
2.6 PENGARUH PERUBAHAN BUSANA TRADISIONAL MASYARAKAT IBAN	15
2.7 KEPERCAYAAN MASYARAKAT IBAN	16
2.8 AKSESORI BUSANA TRADISIONAL MASYARAKAT IBAN	17
2.9 PEMAKAIAN BUSANA TRADISIONAL MAYARAKAT IBAN	18
2.10 LATAR BELAKANG BUSANA	19-20
2.11 RUMUSAN	21
BAB 3: METODOLOGI KAJIAN	
3.1 PENGENALAN	22
3.2 SUMBER DATA:	23
3.2.1 DATA SEKUNDER	
3.2.2 DATA PRIMER	
3.3 KAEAH KUALITATIF	24
3.4 KAEAH KUANTITATIF	25
3.5 POPULASI	26
3.6 PERSAMPELAN	
3.7 INSTRUMEN KAJIAN	27
3.8 RUMUSAN	28

BAB 4: ANALISA DATA DAN DAPATAN KAJIAN

4.1 PENGENALAN	29
4.2 PENGANALISAAN DATA	30
A) Kaedah Kualitatif:	
4.2.1 ANALISA KADEAH TEMUBUAL	31-37
4.2.2 ANALISA KADEAH PEMERHATIAN	38-50
B) Kaedah Kuantitatif	51-68
4.3 DAPATAN KAJIAN	69-72
4.4 RUMUSAN	73
BAB 5: CADANGAN DAN KESIMPULAN	
5.1 KESIMPULAN	74-75
5.2 CADANGAN	76-77
5.3 CADANGAN KEPADA PENGKAJI AKAN DATANG	78
GLOSARI	79-81
SENARAI RUJUKAN	82-85
SENARAI NAMA INFORMAN	86-88
LAMPIRAN	89-94

BAB 1

PENDAHULUAN

1.1 PENGENALAN

Negeri Sarawak mempunyai 2.07 juta orang penduduk. Daerah pentadbiran yang mempunyai bilangan penduduk yang paling banyak ialah ibu negeri Kuching, dengan jumlah penduduk yang dianggarkan sebanyak 579,900 orang pada tahun 2006. Manakala di daerah Samarahan ialah tempat kedua dan diikuti oleh Sri Aman, Betong, Sarikei, Sibu, Kapit, Mukah, Bintulu, Miri dan Limbang yang merupakan daerah yang mempunyai bilangan penduduk yang paling sedikit iaitu 45,500 orang dalam tahun 2006. (Ruj: Facts and Figures 2006, SPU)

Sarawak mempunyai 40 kumpulan etnik yang terdiri daripada kaum Iban, Cina, Melayu dan lain-lain. Di bandar kebanyakannya dihuni oleh orang Cina dan orang Melayu. Namun sekarang bilangan orang Bumiputera yang berhijrah ke bandar juga kian meningkat. Salah satu daripada ciri yang paling menarik di negeri Sarawak yang dapat membezakannya daripada negeri-negeri lain di Malaysia ialah kepelbagaian budayanya. Terdapat 27 kumpulan etnik asli yang bertutur dalam kira-kira 45 longhat atau dialek yang berbeza. Menurut ahli jawantakuasa Gabungan Anak Seni Sarawak (GABINTAS) Hanisah Rosedi bahawa pihak tertentu perlu memainkan peranan serta tanggungjawab dalam mempertingkatkan kesedaran masyarakat terhadap kepentingan seni dan budaya bagi menyatukan masyarakat di negeri ini. Oleh itu, sebagai penduduk di negeri Sarawak kita boleh berbangga dengan kepelbagaian tradisi, adat dan agama yang masih lagi diamalkan.

Selain itu, penduduk negeri Sarawak juga dapat menikmati pelbagai perayaan yang berwarna-warni yang akan disambut setiap tahun oleh para penduduk di Sarawak.

Kepelbagaiannya budaya ini juga membolehkan negeri Sarawak menjadi salah satu daripada destinasi pelancongan yang paling popular di wilayah ini. Menurut seorang penggiat seni, Abdul Kadir (2013), seni dan budaya harus dijadikan teras dalam pelbagai aspek tidak kira dalam kehidupan seharian, sosial, komuniti maupun politik kerana ia mampu membentuk perpaduan. Oleh itu, dalam konteks ini remaja perlu lebih peka akan perkembangan seni malahan perlu mendalami ia daripada semua sudut bukan hanya memandangnya pada sudut kasar sahaja. Dengan ini, kita haruslah bersama-sama mengekalkan budaya dan adat resam yang terdapat di negeri Sarawak ini.

Antara contoh budaya masyarakat Iban yang terdapat di Sarawak ialah busana tradisional Iban yang juga dikenali sebagai “Ngepan Iban”. Busana tradisional Iban ini adalah sejenis khazanah yang harus dikekalkan bagi mengelakkannya terus tenggelam ditelan arus zaman sekarang. Busana adalah merupakan pakaian yang lengkap dan indah yang mengandungi perhiasan (Kamus Dewan Edisi Ketiga, 2002). Tradisional pula berkaitan dengan bersifat atau mengikut tradisi atau masyarakat yang mengamalkan cara hidup yang turun-temurun menurut Kamus Dewan Edisi Ketiga, 2002.

Busana merupakan salah satu intipati yang penting dalam kebudayaan sesebuah kaum. Khususnya setiap kaum mempunyai busana yang tersendiri dan mempunyai nilai estetikanya tersendiri. Akibat daripada perbezaan yang terdapat pada busana tradisional setiap kaum ini, ia dapat memudahkan masyarakat luar untuk mengenali kebudayaan yang terdapat di dalam kelompok masyarakat yang pelbagai ini.

1.2 PERMASALAHAN KAJIAN

Terdapat pelbagai busana tradisional masyarakat Iban yang harus dikekalkan. Antaranya ialah seperti baju burung, “*selampai*” iaitu selendang yang ditenun untuk digunakan oleh perempuan Iban terutamanya semasa hari perayaan. Warisan busana tradisional masyarakat Iban ini sangat penting kerana ia mempunyai keaslian yang harus dijaga untuk generasi yang akan datang.

Pengkaji mendapati terdapat beberapa permasalahan yang berlaku dalam kajian ini. Antaranya ialah penyerapan ciri-ciri busana moden yang mampu mengubah ciri-ciri keaslian busana tradisional masyarakat Iban yang sebenar. Pengkaji juga mendapati bahawa berlakunya percampuran atau pengkombinasian kriteria dari segi hiasan dan penambahan aksesori yang kontemporari terhadap busana tradisional masyarakat Iban. Hal ini akan menyebabkan kualiti keaslian estetika busana tradisional masyarakat Iban akan berkurang. Seterusnya pengkaji mendapati kekurangan maklumat yang diterbitkan dan informasi pendokumentasian berkaitan dengan busana tradisional masyarakat Iban turut mendorong berlakunya permasalahan dalam kajian ini.

1.3 OBJEKTIF KAJIAN

Antara objektif kajian dalam mengekalkan busana tradisional masyarakat Iban ialah:

1. Mengenalpasti corak perubahan yang berlaku terhadap busana tradisional masyarakat Iban.
2. Mengkaji fungsi penggunaan busana tradisional masyarakat Iban.
3. Menganalisa perubahan busana tradisional masyarakat Iban.

1.4 KEPENTINGAN KAJIAN

Kepentingan kajian ini dilakukan adalah untuk membantu di dalam menekankan tanggungjawab masyarakat Iban untuk memelihara busana tradisional ini. Keadaan ini adalah disebabkan busana tradisional ini merupakan khazanah warisan keturunan kaum Iban. Oleh itu, situasi ini boleh diterapkan kepada generasi yang akan datang perihal melambangkan identiti dan asal-usul kaum Iban.

Kepentingan usul ini dicadangkan kerana ia merupakan salah satu usaha dalam mengekalkan ciri-ciri keaslian yang unik terhadap busana tradisional masyarakat Iban. Ini adalah kerana busana tradisional masyarakat Iban mempunyai nilai estetika yang tinggi bagi membentuk identiti nasional masyarakat di Malaysia. Etnik Iban merupakan salah satu kelompok masyarakat yang mampu mewarna-warnikan kebudayaan Malaysia dari aspek kepelbagaiannya busana di Malaysia. Penerimaan masyarakat Malaysia terhadap busana tradisional masyarakat Iban ini mampu melonjakkan industri fesyen di Malaysia ke tahap antarabangsa.

Di samping itu, kajian ini juga dapat meningkatkan pemahaman yang lebih mendalam tentang kebudayaan dan kesenian masyarakat Iban di Sarawak. Keadaan ini adalah penting bagi meningkatkan pemahaman yang mendalam yang mampu mencetuskan sikap prihatin dan bertanggungjawab masyarakat dalam usaha untuk mengekalkan busana tradisional ini terutamanya dalam kalangan muda-mudi masyarakat Iban di Sarawak dan amnya seluruh masyarakat di Malaysia.

1.5 HIPOTESIS KAJIAN

Hipotesis atau andaian pertama pengkaji ialah golongan muda lebih gemar menggunakan pakaian moden semasa hari perayaan Gawai Dayak. Golongan muda tertarik untuk menggunakan pakaian moden supaya lebih menarik dan sekaligus mengikut perkembangan semasa dalam gaya berpakaian sekarang. Pengkaji juga mengandaikan bahawa kriteria busana tradisional masyarakat Iban telah mengalami perubahan. Hal ini dapat dilihat menerusi busana tradisional masyarakat Iban sekarang yang lebih menarik dan bersifat moden berbanding busana tradisional masyarakat Iban dahulu.

1.6 LOKASI KAJIAN

Pengkaji tertumpu di kawasan daerah Kapit, Sarawak yang merupakan salah satu tempat yang bersesuaian dengan topik utama dalam kajian ini. Hal ini adalah untuk mendapatkan gambaran serta maklumat tambahan mengenai busana tradisional ini. Tambahan pula, penduduk yang tinggal di kawasan daerah Kapit kebanyakannya adalah masyarakat Iban. Maka, pengkaji dapat mengembangkan skop kajian yang berkaitan dengan busana tradisional masyarakat Iban ini dengan lebih mudah dan terperinci.

1.7 SKOP KAJIAN

Pengkaji akan melihat perbezaan aksesori busana tradisional terdahulu dari segi rekaan dan keseluruhan busana tradisional masyarakat Iban ini. Cara pemakaian dan penyusunan terhadap aksesori yang berbeza dan mempunyai maksud yang tersendiri bagi memenuhi setiap upacara ritual yang dijalankan.

Pengkaji telah membataskan kajian ini dengan hanya meliputi bahagian Kapit sahaja dan merangkumi petempatan masyarakat Iban iaitu di kawasan pekan Kapit, petempatan penduduk di Sungai Balleh dan juga petempatan penduduk di Sungai Batang

Rejang. Kawasan yang dinyatakan oleh pengkaji adalah merupakan kawasan perkampungan utama masyarakat Iban yang terdapat di daerah Kapit yang kebanyakannya penduduknya masih mengamalkan adat, budaya dan cara hidup tradisi masyarakat Iban yang masih tinggal di rumah panjang.

1.8 LIMITASI KAJIAN

Limitasi ialah menjurus kepada reka bentuk dan metod yang menyebabkan batasan berlaku semasa menjalankan kajian atau sesuatu yang manghalang pengkaji di dalam proses penyelidikan. Ia menerangkan konteks kajian bagi menyedarkan pembaca akan kekangan yang dihadapi oleh kajian. Antaranya ialah seperti berikut:

1.8.1 Kebergantungan Teknik Untuk Memperolehi Data Terhad

Semasa menjalankan kajian ini pengkaji telah mengalami beberapa proses yang melibatkan kekurangan bahan atau sumber maklumat berkaitan dengan kajian. Hal ini adalah kerana, setakat ini tidak ada penyelidik yang menjalankan kajian yang terperinci berkenaan dengan busana tradisional masyarakat Iban dan menyebabkan bahan-bahan rujukan ilmiah agak terhad dan sukar bagi pengkaji memahami dengan lebih mendalam mengenai busana tradisional masyarakat Iban ini.

1.8.2 Bahasa

Bahasa merupakan elemen yang penting di dalam menjalankan kajian. Dalam membuat kajian ini, pengkaji telah menggunakan Bahasa Iban semasa sesi temuramah. Justeru itu, pengkaji juga terpaksa menterjemah semua soalan dan hasil temuramah daripada Bahasa Iban kepada Bahasa Melayu. Hal ini kerana, terdapat sesetengah para informan yang ditemuramah tidak fasih dan memahami Bahasa Melayu. Malah, terdapat juga istilah-istilah Bahasa Iban yang sukar untuk diterjemah kepada Bahasa Melayu.

1.8.3 Masa

Pengkaji telah menghadapi masalah masa yang agak terhad semasa menjalankan temuramah kerana masa untuk membuat temujanji adalah ditentukan oleh pihak yang ditemuramah. Keadaan ini telah menyebabkan proses temuramah ini lambat dijalankan. Selain itu, percanggahan masa antara pengkaji dengan golongan individu yang ingin ditemuramah juga berlaku. Oleh itu, pengkaji telah mengambil jalan penyelesaian untuk membuat temujanji awal dengan informan bagi memudahkan informan membuat perancangan dan persediaan awal sebelum proses temuramah ini dilakukan.

BAB 2

SOROTAN KESUSASTERAAN

2.1 PENGENALAN

Bab dua merupakan bahagian yang menghimpunkan semua bahan yang digunakan oleh pengkaji ketika menjalani penyelidikan. Setiap bahan rujukan yang terdapat dalam bahagian bab dua ini mempunyai kaitan dengan penyelidikan yang dijalankan oleh pengkaji walaupun tidak mempunyai kaitan keseluruhan tajuk penyelidikan tetapi bahan yang didapati mempunyai kaitan serba sedikit dengan tajuk penyelidikan dan boleh digunakan dalam penyelidikan yang dijalankan.

Menurut Wiersma (1995) sorotan kajian adalah satu proses sistematik yang memerlukan pembacaan dan perhatian kepada butiran yang terperinci. Manakala, menurut Creswell (2005) sorotan kajian juga membabitkan kesimpulan bertulis tentang artikel dalam jurnal, buku, dan dokumen lain yang menjelaskan maklumat lepas dan semasa, menyusun literatur dalam topik tertentu, dan mendokumenkan keperluan bagi kajian yang dicadangkan oleh pengkaji.

Dalam bahagian ini, pengkaji telah menyenaraikan bahan-bahan ilmiah yang diperolehi berkaitan dengan kajian yang dijalankan. Malah, sumber utama bahan-bahan ilmiah ini haruslah mempunyai kaitan dengan bidang kajian bagi mendapatkan data dan fakta yang betul dalam bahan rujukan yang mana ia akan membantu pengkaji semasa menjalankan kajian dan mengusulkan maklumat yang diperolehi oleh pengkaji. Keadaan ini adalah penting bagi merujuk kajian yang lepas sama ada mempunyai kaitan dengan bidang kajian yang dikaji oleh pengkaji.

Sehubungan dengan itu, melalui bahan ilmiah ini juga dapat membantu pengkaji untuk menambahkan lagi data kajian. Selaras dengan penyelidikan yang menekankan aspek warisan busana tradisional dalam era moden sebagai pendukung budaya masyarakat Iban. Oleh itu, bahan rujukan yang digunakan oleh pengkaji haruslah berkait rapat bagi mengukuhkan lagi data-data yang telah terkumpul tersebut.

2.2 Sorotan Kajian Berkaitan dengan Fesyen dan Pakaian

1) Joanne Enstuitele and Elizabeth Wilson, (2001) Body Dressing. New York, Oxford.

Kandungan Umum:

Berkaitan dengan pembelajaran fesyen dan pakaian berdasarkan kepada permulaan sejarah busana mengikut antropologi iaitu berkaitan dengan sejarah sosial, sosiologi, sosial psikologi dan budaya belajar dalam dunia fesyen dan pakaian yang membuatkan sejarah busana yang terdapat di seluruh dunia. Terdapat beberapa langkah pembelajaran untuk mereka dan menjahit baju mengikut teknik yang sesuai dan mengikut peredaran zaman:

“It illustrates how the study of fashion and dress has become detached from its location within costume history and anthropology respectively, to flourish within social history, philosophy, sociology, social psychology and cultural studies”.

(Joanne Enstuitele dan Elizabeth Wilson, 2001 m/s 1)

Ini menunjukkan bahawa pakaian mengalami satu peredaran masa yang sentiasa mempengaruhi kehendak gaya hidup yang sentiasa berubah dari segi kehidupan sosial manusia seharian. Perubahan ini juga disebabkan oleh perubahan gaya hidup yang terdapat di sesebuah lokasi sesuatu tempat.

Kaitan Dengan Kajian:

Sejarah awal pakaian yang berlaku di seluruh dunia mempunyai persamaan dan dapat dilihat daripada pelbagai aspek yang mendorong kepada tujuan pereka pakaian dan bidang perfesyen menghasilkan pakaian baharu. Selain daripada itu, kita dapat lihat bahawa kepentingan pakaian dan cara manusia berpakaian sama ada yang berada di negara Barat atau bukan Barat terutamanya di kawasan Asia yang menunjukkan tempat kajian pengkaji iaitu di Kapit, Sarawak. Daripada buku ini, pengkaji dapat mengaitkan dengan faktor-faktor atau tujuan manusia menggunakan pakaian di dalam menjalani kehidupan sehari-hari. Selain menjadi salah satu keperluan, pakaian juga sangat penting bagi mencerminkan salah satu budaya di dalam kehidupan masyarakat. Hal ini mempunyai persamaan dengan kepentingan masyarakat Iban yang terdapat di Sarawak dengan menggunakan pakaian untuk tujuan yang sama iaitu untuk melindungi tubuh yana mana ia merupakan salah satu amalan budaya kehidupan dan juga keperluan sehari-hari.

2.3 Sorotan Kajian Berkaitan Dengan Budaya Masyarakat Iban

1) Robert Pringle 1936, Malaysian Heritage, Rajah and Rebels the Ibans of Sarawak under Brooke rule, 1841-1941(m/s xix).

Kandungan Umum:

"Iban culture is uniform in comparison to that of most pagan societies in Sarawak, particularly in the area of language. Many other groups, including Land Dayaks, Kayans, Kenyahs and Melanaus speak a number of dialects which are either mutually incomprehensible or very close to it. In contrast, probably as a result of the great amount of migration and in termingling which has marked the last century of

Iban history, two Ibans from the most widely separated areas of Sarawak will have no trouble understanding each other. Although they will be aware of minor differences in accent and usage".

(Robert Pringle, 1936, m/s xix)

Kaitan Dengan Kajian:

Budaya Iban adalah seragam berbanding dengan kebanyakkan masyarakat pagan di Sarawak, terutamanya di kawasan bahasa yang sama. Banyak kumpulan-kumpulan lain, termasuklah Dayak Darat, Kayan, Kenyah dan Melanau bercakap beberapa dialek yang sama dan saling memahami. Sebaliknya, daripada kesan jumlah penghijrahan yang besar ini telah menandakan abad yang lalu mengenai sejarah Iban. Perbezaan dari segi dialek oleh masyarakat Iban mengikut tempat di Sarawak tidak akan mempunyai masalah memahami antara satu sama lain. Walaupun mereka sedar perbezaan kecil dalam longhat dan penggunaan bahasa masing-masing.

2) Jasman, A & Rosnah. (1997) Masyarakat Iban, Associated Educationa Distributor.

Kandungan Umum:

Buku ini berkaitan dengan kebudayaan kaum Iban yang terdapat di Sarawak. Kaum Iban merupakan kaum yang terbesar populasinya di Sarawak dan diikuti oleh kaum Bidayuh seterusnya Orang Ulu. Penulisan ini berkenaan dengan pengenalan secara umum tentang kaum Iban yang terdapat di Sarawak, adat resam dan pantang larang kaum Iban, pakaian tradisional, tarian, sastera lisan kaum Iban dan juga perayaan yang dirayakan oleh masyarakat Iban di Sarawak. Kandungan buku ini juga menerangkan berkenaan dengan kaum Bidayuh dan Orang Ulu yang turut dikenali sebagai kaum Dayak. Kaum Dayak merupakan gabungan antara 3 kaum majoriti yang terdapat di Sarawak iaitu Iban, Bidayuh

dan Orang Ulu. Kebudayaan yang terdapat dalam setiap kaum ini mempunyai persamaan yang agak ketara terutamanya melalui perayaan yang dirayakan oleh ketiga-tiga kaum etnik ini. Setiap tahun ketiga-tiga kaum etnik ini merayakan Hari Gawai Dayak dan ini menyebabkan mereka mempunyai kebudayaan yang hampir sama walaupun mempunyai perbezaan dari segi penggunaan pakaian tradisional dan juga bahasa.

Kaitan Dengan Kajian:

Pengkaji menggunakan buku ini dengan hanya menumpukan kepada bahagian yang menerangkan berkenaan dengan pakaian tradisional kaum Iban untuk melihat ciri-ciri utama yang terdapat dalam konteks busana tradisional. Busana tradisional masyarakat Iban juga merupakan salah satu tarikan pelancong untuk datang ke negeri Sarawak. Tambahan pula dengan penggunaan kain *pua kumbu* sebagai bahan utama yang terdapat dalam komponen utama busana tradisional masyarakat Iban ini menambahkan daya tarikan yang terdapat pada busana tradisional ini.

2.4 Sorotan Kajian Berkaitan dengan Seni Pemakaian

Marci Rae Mcdade, Fiber Arts (Art to Wear) winter 2010/2011, Contemporary Textile Art and Craft, (November/December 2010), m/s 8.

Kandungan Umum:

"Art to wear was a great opportunity and inspiration to create pieces outside the box of traditional ready-to-wear, (Amy Quinn, former art to wear student director and participating designer). The success of this event is most certainly related to the pop-culture phenomenon called project Runway, the wildly popular fashion design television program that has seduced and energized a generation of young

people. The drama of the challenges, pressure deadlines for creativity and judgments-all presented as entertainment has also influenced fibers programs across the United States and overseas".

(Marci Rae Mcdade, November/ December 2010, m/s 8)

Kaitan Dengan Kajian:

Seni pemakaian adalah salah satu peluang yang hebat dan inspirasi untuk mewujudkan idea di luar kotak tradisional yang sedia ada bagi menghasilkan cara pemakaian yang baharu dan menarik. Kejayaan ini adalah berkaitan dengan fenomena budaya pop diterapkan zaman sekarang. Ikutan daripada penemuan idea yang baharu mengenai busana tradisional yang sedia ada ini menyebabkan perubahan busana tradisional ini. Tambahan pula, pengaruh daripada program di dalam hiburan yang mana ia telah mengakibatkan berlakunya pengkombinasiaan ke dalam busana tradisional masyarakat Iban yang mendorong berlakunya perubahan keaslian busana tradisional masyarakat Iban.

2.5 Sorotan Kajian Berkaitan dengan Fungsi Busana Tradisional Masyarakat Iban

1) Micheal Buma, (October 1987), Iban Customs and Traditions.

Kandungan Umum:

"According to Iban traditional wedding, the bride is being dressed in her traditional costume (Berawai) and getting ready to be taken away to her husband's longhouse. Guests, either coming by Prau and following the tide or going by land usually leave the host longhouse at about 9.00 am. As the guests begin to leave the longhouse some naughty hosts will give a